

PANDUAN AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

Guidance On Unclaimed Moneys Act 1965



PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT
Registrar of Unclaimed Moneys

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Malaysian Accountant General's Department

Edisi Julai 2009

KANDUNGAN

Perkara	Mukasurat
Prakata	i
BAHAGIAN I - PEMAHAMAN AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965	1
1. Pendaftar Wang Tak Dituntut	2
2. Peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965	2
3. Syarikat Atau Firma Yang Perlu Mematuhi Peruntukan Akta	3
4. Definisi Wang Tak Dituntut	3
5. Kewajipan Syarikat Atau Firma	5
6. Hukuman Ketidakpatuhan Akta Wang Tak Dituntut 1965	5
7. Pemeriksaan Rekod Syarikat Atau Firma	5
BAHAGIAN II - SERAHAN WANG TAK DITUNTUT	7
8. Prosedur Serahan Wang Tak Dituntut	8
9. Contoh Borang UMA-3 : Daftar Wang Tak Dituntut	10
10. Contoh Borang UMA-4 : Serahan Wang Tak Dituntut Dengan Borang UMA-3	11
11. Senarai Semak Serahan Wang Tak Dituntut	12
12. Panduan Serahan Data Wang Tak Dituntut Dalam ‘SoftCopy’	13
BAHAGIAN III - BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT	17
13. Prosedur Bayaran Balik Wang Tak Dituntut	18
14. Senarai Dokumen Bagi Permohonan Bayaran Balik Wang Tak Dituntut	19
15. Contoh Borang UMA-7 : Tuntutan Oleh Individu	24
16. Contoh Borang UMA-7 : Tuntutan Oleh Syarikat Atau Firma	25
17. Contoh Borang UMA-7 : Tuntutan Oleh Syarikat – Kesilapan Hantar WTD	26
18. Contoh Surat Pengesahan Disediakan Oleh Syarikat Atau Firma Yang Membuat Serahan	27
BAHAGIAN IV – SEKURITI TAK DITUNTUT	29
19. Penjelasan Sekuriti Tak dituntut	30
20. Prosedur Penjualan Sekuriti	30
21. Senarai Dokumen Bagi Permohonan Penjualan Sekuriti	30
22. Contoh Borang SPS 2 : Permohonan Penjualan Sekuriti	32
LAMPIRAN	
Lampiran I : Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut	
Lampiran II : Borang-Borang Yang Digunakan	



**PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

SAYA mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan izinNya Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dapat menerbitkan panduan pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Dengan kewajipan yang digalas bermula dengan perlantikan dari Menteri Kewangan pada 1 Jun 1975 selaku Pendaftar Wang Tak Dituntut di Malaysia, buku panduan ini diharap dapat meningkatkan kesedaran syarikat atau firma mengenai kewujudan Akta Wang Tak Dituntut 1965 disamping mewar-warkan berkenaan peranan dan fungsi dilaksanakan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut sebagai pemegang amanah wang tak dituntut di Malaysia.

Panduan ini diterbitkan untuk memberikan pendedahan maklumat mengenai Akta Wang Tak Dituntut 1965 kepada wakil syarikat/firma dan ia merupakan sumber maklumat yang penting untuk mengetahui dengan jelas mengenai peruntukan Akta tersebut.

Buku ini diolah dengan menjelaskan tanggungjawab syarikat atau firma terhadap Akta dengan menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi bagi membantu syarikat atau firma memahami dan memenuhi tanggungjawab terhadap Akta serta dapat menghindari sebarang implikasi perundangan kelak.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyusunan dan penerbitan buku panduan ini.

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Salleh".

DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD

Akauntan Negara Malaysia

Julai 2009

PRAKATA

Buku panduan ini disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk menjelaskan peruntukan Akta Wang Tak Dituntut (WTD)1965.

Khasnya, panduan ini bertujuan untuk mengutarakan:

- a) kewajipan syarikat dan firma yang perlu mematuhi peruntukan Akta WTD 1965;
- b) prosedur yang perlu diikuti oleh mana-mana pihak yang ingin menuntut WTD dalam simpanan Pendaftar.

Buku ini dibahagikan kepada empat bahagian seperempat berikut dan mengandungi maklumat Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut serta borang-borang yang digunakan.

Bahagian I – Pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965

Bahagian II – Serahan Wang Tak Dituntut

Bahagian III – Bayaran Balik Wang Tak Dituntut

Bahagian IV – Sekuriti Tak Dituntut

Buku panduan ini dikeluarkan semata-mata sebagai satu panduan pentadbiran sahaja dan seterusnya tidak mempunyai kuasa di sisi undang-undang.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan didalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ sebaliknya tanpa izin daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

BAHAGIAN I

Pemahaman Akta Wang Tak Dituntut 1965



1. PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT

- 1.1 Akauntan Negara Malaysia dilantik oleh Menteri Kewangan sebagai Pendaftar berkuatkuasa mulai 1 Jun 1975 bagi menjalankan tugas dan fungsi bagi Bahagian II, Akta WTD 1965. Perlantikan Pendaftar menurut seksyen 9(1) dan seksyen 9(2) Akta WTD 1965 adalah seperti berikut:

P.U.(B) 221

“Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1) seksyen 9 Akta Wang Tak Dituntut 1965, Menteri Kewangan telah melantik Akauntan Negara sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut mulai daripada 1 haribulan Jun, 1975.”

[Perb.(12.20) 443/34 –1 Jld.2;P.N.(PU²)254.]

“Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (2) seksyen 9 Akta Wang Tak Dituntut 1965, Menteri Kewangan telah melantik Timbalan Akauntan Negara sebagai Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut mulai daripada 1 haribulan Oktober, 1984.”

[Perb.(12.20) 443/34 –1 Jld.4;P.N.]

- 1.2 Maklumat Pejabat Pendaftar WTD dan 12 Pejabat Unit WTD di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah seperti mana di **Lampiran I** dalam buku panduan ini. Pejabat Pendaftar WTD terletak di Kuala Lumpur memainkan peranan Pendaftar termasuk penerimaan serahan WTD, pembayaran balik WTD bagi seluruh negeri di Malaysia dan pemeriksaan rekod ke atas syarikat atau firma meliputi negeri Wilayah Persekutuan dan Selangor. Manakala, Unit WTD di cawangan JANM menjalankan tugas bagi pemeriksaan rekod ke atas syarikat atau firma serta memberi pendedahan mengenai Akta WTD 1965 menerusi taklimat diadakan bagi pihak Pendaftar di peringkat negeri.

2. PERUNTUKAN AKTA WANG TAK DITUNTUT 1965

- 2.1 Memberi pengertian tentang WTD;
- 2.2 Menetapkan tanggungjawab syarikat atau firma yang wajib mematuhi peruntukan-peruntukan Akta WTD 1965;
- 2.3 Menjelaskan peranan dan tugas Pendaftar sebagai pemegang amanah terhadap WTD yang diterima;
- 2.4 Memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membayar balik WTD kepada mana-mana penuntut yang dapat membuktikan bahawa beliau mempunyai hak ke atas WTD tersebut;
- 2.5 Memberi kuasa kepada Pendaftar untuk memeriksa rekod syarikat atau firma untuk memastikan kepatuhan peruntukan Akta WTD 1965;
- 2.6 Menetapkan hukuman denda terhadap syarikat atau firma yang gagal mematuhi peruntukan Akta WTD 1965.

3. SYARIKAT ATAU FIRMA YANG PERLU MEMATUHI PERUNTUKAN AKTA

- 3.1 Seksyen 8 Akta WTD 1965 mewajibkan syarikat atau firma berikut untuk mematuhi peruntukan akta:
- 3.1.1 Syarikat yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 (*atau syarikat asing yang ditetapkan di bawah Bab 2 Bahagian XI Akta tersebut*) dan termasuk;
 - 3.1.2 Lembaga yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan wang berkaitan dengan faedah-faedah persaraan;
 - 3.1.3 Pertubuhan dan koperasi yang didaftarkan;
 - 3.1.4 Perbadanan, pihak berkuasa awam dan kesatuan sekerja;
 - 3.1.5 Firma (*iaitu pihak-pihak yang bersatu bagi menjalankan perniagaan*).
- 3.2 Seksyen 14 Akta WTD 1965 memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang mempunyai wang, selain daripada WTD dalam tangan yang belum dituntut oleh empunya, boleh menyerahkan wang tersebut kepada Pendaftar seolah-olah wang tersebut adalah WTD yang perlu dibayar walaupun beliau tidak wajib untuk berbuat demikian menurut Akta.
- 3.3 Seksyen 18 Akta WTD 1965 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian bagi sesebuah syarikat atau firma dalam mematuhi peruntukan dalam Bahagian II, Akta tersebut.

4. DEFINISI WANG TAK DITUNTUT

- 4.1 Merujuk kepada seksyen 8, Akta WTD 1965, WTD bermaksud:
- 4.1.1 Wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang dari satu tahun.
Contoh di bawah kategori ini ialah:
 - i) gaji, upahan, bonus, komisen dan wang lain yang kena dibayar kepada kakitangan;
 - ii) dividen;
 - iii) keuntungan yang diisyiharkan untuk dibahagikan;
 - iv) tuntutan insurans yang telah diluluskan untuk bayaran;
 - v) draf bank, *cashier's order*, dan dokumen lain yang mempunyai fungsi yang serupa di mana tempoh sah lakunya telah luput;
 - vi) simpanan tetap (*tanpa arahan pembaharuan automatik*) yang telah matang;
 - vii) cagaran dan deposit apabila tujuan wang itu dikutip telah tercapai;
 - viii) pembiutang pelbagai atau penghutang pelbagai berbaki kredit.
 - 4.1.2 Wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh masa tidak kurang dari tujuh tahun.
Contoh di bawah kategori ini ialah:
 - i) akaun simpanan;
 - ii) akaun semasa;
 - iii) simpanan tetap (yang mempunyai arahan pembaharuan automatik).

4.1.3 Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urusniaga dalam satu tempoh masa kurang dari dua tahun.

Contoh di bawah kategori ini ialah:

- i) akaun pembiutang dagangan;
- ii) akaun penghutang dagangan berbaki kredit.

4.2 Contoh Kategori Wang Tak Dituntut

Pada 15 Januari 2009, RV Bank Berhad dalam proses penyediaan Daftar Wang Tak Dituntut bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Tahun Kewangan berakhir bagi RV Bank Bhd adalah pada 28 Februari 2009.

Bil	Nama	No. K/P atau Pasport atau No. Pendaftaran Syarikat/Firma	Amaun (RM)	Butiran Wang Tak Dituntut	Kategori Wang Tak Dituntut	Tarikh Mula Amaun Kena Dibayar/Tarikh Akhir Transaksi	Tarikh Menjadi Wang Tak Dituntut
1	Tan Siew Ling	A4127709	950.00	Gaji		30/1/2007	
2	Rusdi Bin Ahmad	TIADA	80.00	Penghutang dagangan berbaki kredit		10/1/2006	
3	MP Resorts Sdn. Bhd.	12345-X	1,550.00	Pembiutang pelbagai		12/5/2006	
4	Rahmad Bin Ali	720215-01-4451	1,320.00	Akaun simpanan		20/11/2001	
5	Che Pah Binti Daud	A2035641	900.00	Dividen		15/5/2007	
6	MANN Enterprise	00847456	21,000.00	Pembiutang dagangan		5/8/2006	
7.	SW Construction Sdn. Bhd.	78910-P	10,000.00	Simpanan tetap		16/1/2002	

5. KEWAJIPAN SYARIKAT ATAU FIRMA

- 5.1 Pada umumnya, syarikat atau firma yang mempunyai wang tak dituntut adalah wajib untuk:
- 5.1.1 Menyelenggara Daftar Wang Tak Dituntut (UMA - 3).
 - 5.1.2 Menyerah Daftar Wang Tak Dituntut (UMA-3) dan Borang Serahan Wang Tak Dituntut (UMA-4) serta membayar wang tak dituntut kepada Pendaftar selewat-lewatnya 31 Mac setiap tahun.
 - 5.1.3 Menyerah Daftar Wang Tak Dituntut (UMA-3) kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad bagi tujuan pewartaan.

6. HUKUMAN KETIDAKPATUHAN AKTA WTD 1965

- 6.1 Ketidakpatuhan kepada Akta WTD 1965 adalah seperti mana berikut :
 - i) seksyen 10(1) Akta WTD 1965 - gagal menyelenggara Daftar UMA-3;
 - ii) seksyen 10(2) Akta WTD 1965 - gagal menyerah Daftar UMA-3 kepada Pendaftar selewat-lewatnya 31 Mac tahun berikutnya dan gagal membayar WTD; dan
 - iii) seksyen 10A(1) Akta WTD 1965 - gagal menyerah Daftar UMA-3 untuk diwartakan.
- 6.2 Seksyen 10(4) dan 10A(2) Akta WTD 1965 memperuntukkan bahawa syarikat atau firma yang gagal mematuhi seksyen 10(1), 10(2) dan 10A(1) Akta tersebut, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM20,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari selama kemungkiran itu berterusan.
- 6.3 Walaubagaimanapun, menurut seksyen 10(4) Akta WTD 1965 menjelaskan denda yang dikenakan tidak dihadkan kepada syarikat atau firma sahaja. Mana-mana pegawai dalam syarikat atau firma yang menyebabkan kesalahan dibawah sekyen 10(1) dan 10(2) Akta WTD 1965 juga boleh dihukum denda.
- 6.4 Seksyen 16 Akta WTD 1965 menjelaskan mana-mana pihak yang disyaki melakukan kesalahan boleh dikenakan kompaun oleh Pendaftar melalui kebenaran bertulis oleh Pendakwaraya dengan amaun tidak melebihi 50% dari denda maksimum bagi kesalahan tersebut. Tindakan pendakwaan tidak akan diambil bagi sesiapa yang membayar kompaun berkenaan.

7. PEMERIKSAAN REKOD SYARIKAT ATAU FIRMA

- 7.1 Seksyen 12 Akta WTD 1965 membolehkan pemeriksaan dilakukan oleh Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya terhadap rekod yang disimpan oleh syarikat atau firma bagi memastikan sama ada syarikat atau firma berkenaan telah mematuhi peruntukan Akta tersebut.
- 7.2 Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh menyita mana-mana buku, daftar, rekod atau dokumen yang dapat memberi bukti ketidakpatuhan Akta WTD 1965 oleh syarikat atau firma berkenaan.

- 7.3 Terdapat dua dokumen penting yang perlu dikemukakan kepada syarikat atau firma oleh pegawai yang diberi kuasa menjalankan pemeriksaan rekod syarikat atau firma iaitu seperti mana berikut:
- i) Waran Kuasa - Kebenaran secara bertulis daripada Pendaftar kepada pegawai diberikuasa bagi menjalankan pemeriksaan rekod syarikat atau firma.
 - ii) Akuan Menyimpan Rahsia – Pegawai penguatkuasa perlu menandatangani borang ini sebelum menjalankan pemeriksaan rekod syarikat atau firma bagi memastikan maklumat yang diberi oleh syarikat atau firma tidak didedahkankan kepada mana-mana pihak.
- 7.4 Seksyen 12 (3) Akta WTD 1965 menjelaskan sesiapa yang menjalankan pemeriksaan tanpa membuat pengakuan rahsia atau sesiapa yang membuat pengakuan rahsia tetapi mendedahkan maklumat diperolehi dari pemeriksaan dijalankan, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM 5,000.
- 7.5 Menurut Seksyen 12(4) Akta WTD 1965, sekiranya syarikat atau firma atau pegawainya:
- i) enggan atau mengelak atau menghalang dari menunjukkan dokumen;
 - ii) gagal membetulkan kesilapan yang dibangkitkan oleh Pendaftar; atau
 - iii) menghalang atau menyekat Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan.
- Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN II

Serahan Wang Tak Dituntut



8. PROSEDUR SERAHAN WANG TAK DITUNTUT


- 8.1 Syarikat atau firma yang memegang WTD adalah dikehendaki merekod perihal WTD yang disimpannya dalam borang Daftar Wang Tak Dituntut (UMA-3) seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10(1) Akta WTD 1965.
- 8.2 Bagi mematuhi Seksyen 10(2) Akta WTD 1965, semua wang tak dituntut bagi tempoh 1^{hb} Januari hingga 31^{hb} Disember hendaklah dimasukkan ke dalam borang UMA-3 bertarikh 31^{hb} Disember tahun berkenaan.
- 8.3 Syarikat atau firma dikehendaki menghantar borang UMA-3 kepada pihak berikut selewat-lewatnya pada 31^{hb} Mac tahun berikutnya:
 - i) salinan asal borang UMA-3 kepada Pendaftar;
 - ii) salinan kedua dan ketiga borang UMA-3 kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) di Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur *untuk diwartakan dan kos perwartaan akan ditanggung oleh kerajaan*;
 - iii) salinan keempat borang UMA-3 disimpan oleh syarikat atau firma untuk rujukan;
 - iv) syarikat atau firma yang mempunyai WTD melebihi 20 rekod dikehendaki mengemukakan borang UMA-3 berserta cakera padat (CD) dalam format Excel kepada Pendaftar.
- 8.4 Syarikat atau firma juga perlu menyediakan tiga salinan borang serahan wang tak dituntut UMA-4 di mana salinan asal dan salinan kedua dihantar kepada Pendaftar sebagai borang iringan kepada borang UMA-3 bersama cek bayaran WTD dan satu salinan disimpan oleh syarikat atau firma untuk tujuan rujukan.
- 8.5 Cek bayaran WTD perlu dikeluarkan atas nama AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.
- 8.6 Menurut seksyen 10(3) Akta WTD 1965, syarikat atau firma boleh memohon tempoh lanjutan bagi menyerahkan WTD dengan mengemukakan rayuan kepada Pendaftar.
- 8.7 Syarikat atau firma hendaklah mengeluarkan surat pengesahan kepada empunya sekiranya terdapat tuntutan daripada empunya setelah serahan WTD dihantar kepada Pendaftar. Surat pengesahan tersebut mengandungi butiran terperinci berkenaan WTD yang telah diserah kepada Pendaftar dan merupakan dokumen sokongan bagi memproses bayaran balik tuntutan kepada empunya berkenaan.

8.8 Ringkasan Kewajipan Syarikat Atau Firma Menurut Akta WTD 1965

Bil	Pihak Yang Terlibat	Borang Yang Diperlukan	Alamat
1	Pendaftar Wang Tak Dituntut (JANM) Tujuan: Serahan wang tak dituntut	- 1 salinan borang UMA-3 - Data wang tak dituntut dalam format excel dalam CD ‘read only mode’ - 2 salinan borang UMA-4 - Cek atas nama Akauntan Negara Malaysia	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti, Tingkat 42, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.
2	Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) Tujuan: Pewartaan	2 salinan borang UMA-3	Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.
3	Syarikat atau Firma Tujuan: Simpanan & rujukan	- 1 salinan borang UMA-3 - 1 salinan Borang UMA-4	Tidak berkenaan

8.9 Contoh

Akaun simpanan Ahmad dengan ABC Bank Berhad dibuka pada 3^{hb} Mac 1980. Akaun itu aktif (*iaitu urusan deposit dan pengambilan keluar wang ada dilakukan dari akaun tersebut*) sehingga 8^{hb} September 2001 apabila pengambilan keluar wang yang terakhir telah dibuat dari akaun itu. Faedah yang terakru ke atas akaun itu terus dikreditkan oleh pihak bank.



9. CONTOH SERAHAN WANG TAK DITUNTUT KEPADA PENDAFTAR : BORANG UMA-3

UMA-3 (Pin. 1/2002)

*Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002)
Seksyen 10 (1)*

Muka Surat: 1 / 1

DAFTAR WANG TAK DITUNTUT

Seperti Pada 31 Disember2008...

Nama Syarikat / Firma : RV BANK BHD
 Nama Cawangan (jika berkaitan) : JALAN TUN PERAK

Bil	Nama Empunya	No. Kad Pengenalan/ Pasport/Syarikat/Firma	Amaun (RM)	Utk. Kegunaan Pejabat
		Dari sebelah:		
1	CHE PAH BINTI DAUD	A2035641	900.00	
2	MANN ENTERPRISE	00847456	21,000.00	
3	MP RESORTS SDN BHD	12345-X	1,550.00	
4	RAHMAD BIN ALI	720215-01-4451	1,320.00	
5	RUSDI BIN AHMAD	TIADA	80.00	
6	TAN SIEW LING	A4127709	950.00	
<i>Jumlah / Bawa ke hadapan :</i>				RM 25,800.00


Selaras dengan Seksyen 10 (1) Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002) saya pegawai yang diberi kuasa, memperakui bahawa butir-butir wang tak dituntut pada muka surat ini adalah betul. Satu salinan UMA-3 ini telah dihantar untuk diwartakan kepada pencetak yang dilantik oleh kerajaan.

wong see har

Tarikh :...17.3.2009.....

Nama : WONG SEE HAR
 Jawatan : PENGURUS BESAR

Cap Syarikat :



10. CONTOH SERAHAN WANG TAK DITUNTUT KEPADA PENDAFTAR : BORANG UMA-4

UMA-4(Pin. 1/2002)

Akta Wang Tak Dituntut 1965(Pindaan 2002)

**SERAHAN WANG TAK DITUNTUT
DENGAN BORANG UMA-3
(Ditaip dalam dua salinan)**

Pendaftar Wang Tak Dituntut
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Tingkat 42, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Saya sertakan cek bernomborBSN 214568..... bertarikh17.3.2009.....berjumlah
RM 25,800.00 bersama-sama dengan Daftar Wang Tak Dituntut (Borang UMA-3) bagi tahun
berakhir 31 Disember ... 2008.... dari muka surat ... 1.... hingga muka surat ... 1.....

Nama Syarikat / Firma : ...RV BANK BHD.....

Cawangan (jika berkenaan) :...CAWANGAN JALAN TUN PERAK

Alamat :...100 Jalan Tun Perak.....
... 50050 Kuala Lumpur.....

.....
.....

No. Telefon :...03-20351888.....


No. Fax :...03-20351899.....

wong see har

Tarikh...17.3.2009.....

Tandatangan

Nama Pegawai : WONG SEE HAR
Jawatan : Pengurus Besar
Cap Syarikat / Firma : Cap RV BANK BHD



Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja	
Maklumat Resit	
No. Resit :	
Tarikh Resit :	

.....

**SERAHAN WANG TAK DITUNTUT
DENGAN BORANG UMA-3**

Diakui terima bayaran

Maklumat Resit

Nama Syarikat/Firma : RV Bank Bhd	
-----------------------------------	--

Alamat :	Cawangan Jalan Tun Perak 100 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur
----------	---

Amaun (RM) :
No. Resit :
Tarikh Resit :

.....
b.p. Pendaftar Wang Tak Dituntut
Cap pejabat:

11. SENARAI SEMAK SERAHAN WANG TAK DITUNTUT

1. Borang UMA-3 dan UMA-4 menggunakan kertas bersaiz A4.
2. Maklumat yang diisi dalam borang UMA-3 dan UMA-4 ditaip atau dicetak berkomputer.
3. Setiap mukasurat borang UMA-3 di ruangan Nama, Jawatan dan Cap Syarikat hendaklah diisi menggunakan ‘rubber stamp’ atau cetakan komputer.
4. Semua ruangan di borang UMA-3 telah diisi kecuali ruangan “Untuk Kegunaan Pejabat”. Bagi maklumat yang tidak diketahui, dicatatkan ‘TIADA’ atau rujukan tersendiri bagi empunya wang tak dituntut berkenaan.
5. “Nama empunya” WTD dalam borang UMA-3 disenaraikan mengikut susunan abjad (tanpa mengambilkira jenis WTD atau jenis akaun).
6. Cetakan dalam borang adalah jelas, terang dan menggunakan sekurang-kurangnya saiz font 10 pt dan maksima 11 pt. (Salinan berkarbon tidak diterima).
7. Jarak di antara baris-baris catatan perihal empunya WTD dalam borang UMA-3 dihadkan kepada maksimum $\frac{1}{2}$ (‘half spacing’).
8. Ruangan ‘Jumlah / Bawa ke hadapan’ di borang UMA-3 diisi dengan jumlah terkumpul (*cumulative total*) dari muka surat pertama borang UMA-3 dan seterusnya.
9. Ruangan ‘Dari sebelah’ di borang UMA-3 telah diisi dengan jumlah terkumpul (*cumulative total*) dari muka surat sebelumnya.
10. Nombor muka surat di borang UMA-3 telah diisi mengikut turutan menaik.
11. Setiap pindaan dalam borang UMA-3 telah ditandatangani oleh pegawai yang menandatangani borang UMA-3 dan diturunkan cap syarikat bersebelahan dengan pindaan. Penggunaan cecair pemadam adalah tidak dibenarkan.
12. Jika borang UMA-3 disediakan secara berasingan bagi setiap cawangan syarikat/firma dalam serahan yang sama, satu ringkasan jumlah mengikut cawangan perlu disediakan untuk diserah bersama borang UMA-3.
13. CD hendaklah disediakan mengikut format *excel* dengan merujuk panduan di muka surat 13 – 16 bagi serahan WTD melebihi 20 rekod.
14. Amaun wang diserah yang dicetak adalah sama di antara:
 borang UMA-3 dan UMA-4 cek CD (*format excel*)
15. Nombor telefon, nombor faks dan alamat dicatatkan dengan lengkap dalam borang UMA-4.

12. PANDUAN SERAHAN DATA WANG TAK DITUNTUT DALAM ‘SOFT COPY’

12.1 Pendahuluan

12.1.1 Mulai 1 Januari 2006 semua syarikat atau firma dikehendaki mengemukakan rekod WTD mengikut prosedur seperti berikut:

- i) satu salinan (asal) borang Daftar Wang Tak Dituntut (UMA-3) bersama dua salinan UMA-4 seperti format borang yang digunakan sebelum ini;
- ii) rekod WTD yang dilaporkan dalam UMA-3 di atas juga perlu diserahkan bersama dalam bentuk ‘soft-copy’ dalam format “Excel” sekiranya rekod UMA-3 mengandungi lebih 20 senarai WTD. Fail ini hendaklah dimuatkan dalam satu unit cakera padat (CD) dalam “Read Only Mode”; dan
- iii) sekeping cek atas nama “Aktaun Negara Malaysia” untuk bayaran WTD tersebut.

12.1.2 Spesifikasi ‘soft copy’ yang telah ditetapkan oleh Pendaftar adalah seperti yang diterangkan dalam panduan ini.

12.2 Keterangan spesifikasi dalam ‘soft copy’ format excel

12.2.1 Baris pertama mengenai maklumat serahan

Kolumn	Keterangan
A	Kod Syarikat/Firma – Nombor (8)
B	Tahun UMA-3 – Nombor (4)
C	Nama Syarikat/Firma – Karakter(70)
D	Tarikh UMA-3 – Tarikh(8)
E	Jumlah Besar (RM) – Perpuluhan(12.2)

A Kod Syarikat/Firma – Nombor (8)
Medan ini wajib diisi dengan Kod syarikat/firma yang diperuntukkan oleh pejabat Pendaftar WTD. Jika kod ini tidak dimaklumkan, syarikat/firma hendaklah menghubungi pejabat ini untuk mendapatkan kod tersebut. Syarikat/firma boleh membuat permohonan kod syarikat/firma dengan memaklumkan maklumat nama syarikat, no. pendaftaran syarikat, alamat, no. telefon dan no. faks serta nama pegawai yang boleh dihubungi kepada Pendaftar melalui surat atau faks atau emel kepada wtdbpas@anm.gov.my.

B Tahun UMA-3 – Nombor (4)
Diisi dengan tahun Daftar UMA-3 yang akan diserahkan; contoh serahan Daftar Wang Tak Dituntut (UMA-3) bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 hendaklah diisi sebagai 2008.

C Nama Syarikat/Firma – Karakter(70)
Diisi dengan nama penuh syarikat/firma yang menghantar Daftar UMA-3 berkenaan iaitu syarikat/firma asal yang memegang WTD itu. Sila pastikan nama syarikat/firma ini adalah bersamaan dengan Kod syarikat/firma di atas.

D Tarikh UMA-3 – Tarikh(8)
Diisi dengan tarikh UMA-3 disediakan mengikut format *DDMMYYYY*.

E Jumlah Besar (RM) – Perpuluhan(12.2)
Diisi dengan jumlah besar amaun wang tak dituntut yang diserahkan. Pastikan jumlah ini adalah sama dengan jumlahnya pada Daftar UMA-3. Tanda (,) tidak diperlukan.

F**Jumlah Rekod – Nombor(6)**

Diisi dengan jumlah bilangan rekod wang tak dituntut yang diserahkan.

12.2.2 Baris kedua dan ke atas mengenai rekod wang tak dituntut

Kolumn	Keterangan
---------------	-------------------

A	Bilangan – Nombor(6)
----------	-----------------------------

Diisi dengan nombor siri rekod WTD yang berkenaan.

B	Kod Cawangan – Nombor(8)
----------	---------------------------------

Sistem telah menetapkan kod cawangan baru iaitu mulai “1000” dan nombor seterusnya digunakan oleh syarikat/firma dalam penyerahan rekod WTD. Sila gunakan kod cawangan ‘1000’ jika syarikat/firma berkenaan tidak mengemukakan UMA-3 secara berasingan mengikut cawangannya.

Bagi syarikat/firma besar seperti Bank, syarikat Insurans dan Utiliti yang telah menyediakan UMA-3 mengikut susunan cawangannya sebelum ini, syarikat/firma ini dikehendaki menyediakan UMA-3 dan ‘soft copy’nya mengikut susunan negeri dengan menggunakan kod cawangan seperti berikut :

- 1000 - Ibu Pejabat
- 1001 - Semua cawangan di negeri Johor
- 1002 - Semua cawangan di negeri Kedah
- 1003 - Semua cawangan di negeri Kelantan
- 1004 - Semua cawangan di negeri Melaka
- 1005 - Semua cawangan di negeri Negeri Sembilan
- 1006 - Semua cawangan di negeri Pahang
- 1007 - Semua cawangan di negeri Pulau Pinang
- 1008 - Semua cawangan di negeri Perak
- 1009 - Semua cawangan di negeri Perlis
- 1010 - Semua cawangan di negeri Selangor
- 1011 - Semua cawangan di negeri Terengganu
- 1012 - Semua cawangan di negeri Sabah
- 1013 - Semua cawangan di negeri Sarawak
- 1014 - Semua cawangan di W/P Kuala Lumpur
- 1015 - Semua cawangan di W/P Labuan
- 1016 - Semua cawangan di W/P Putrajaya

C**Nama Empunya – Karakter(70)**

Medan nama ini wajib diisikan. Jika nama empunya tidak diketahui, sila isikan “TIADA” atau satu rujukan tersendiri yang dapat membantu semakan di masa hadapan.

D**Nombor Pengenalan – Karakter (12)**

Medan ini juga wajib diisikan. Medan ini hendaklah diisi dengan No. Kad Pengenalan/Pasport/Syarikat/Firma bagi empunya berkenaan. Jika rujukan ini tidak diketahui, maka medan ini boleh diisi dengan nombor akaun bank, sijil simpanan, waran dividen, cek atau lain-lain rujukan tersendiri yang dapat membantu semakan di masa hadapan. Tanda (-) tidak diperlukan bagi nombor kad pengenalan baru.

E**Lain-lain Pengenalan – Karakter (20)**

Medan ini boleh dilengkapkan dengan rujukan selain daripada “Nombor Pengenalan” di atas seperti akaun bank, sijil simpanan, waran dividen, cek dan sebagainya.

F**Jumlah (RM) – Perpuluhan(12.2)**

Diisi dengan amaun mengikut WTD empunya berkenaan. Tanda (,) tidak diperlukan bagi jumlah serahan melebihi satu ribu.

G**Jenis WTD – Karakter (3)**

Kod jenis WTD yang perlu digunakan oleh syarikat/firma ialah:

Kategori 1 (Wang yang kena dibayar kepada empunya)

- 001 - Dividen/Keuntungan diluluskan untuk dibayar dan Pulangan balik modal
- 002 - Wang cagaran dan Deposit am
- 003 - Tuntutan insurans diluluskan untuk dibayar
- 004 - Gaji, Bonus, Komisen dan Royalti
- 005 - Bon, Loan Stock dan faedah dibayar ke atasnya
- 009 - Lain-lain wang yang kena dibayar dalam tempoh 1 tahun (tidak termasuk Deraf Bank, T/T dan perkhidmatan bank lain)

Kategori 2 (Wang dalam kredit sesuatu akaun empunya)

- 011 - Akaun Simpanan
- 012 - Akaun Semasa
- 013 - Simpanan Tetap
- 019 - Akaun lain, Deraf Bank, T/T dan perkhidmatan bank lain

Kategori 3 (Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan)

- 021 - Akaun Dagangan

12.3 Data WTD dalam format ‘soft copy’ (excel)

Contoh: Baris 1 (kepala)

Kod Syarikat/ Firma (8)	Tahun UMA-3 (4)	Nama Syarikat/ Firma (70)	Tarikh UMA-3 (8)	Jumlah Besar (RM) (12.2)	Jumlah Rekod (6)
Nombor	Nombor	Karakter	Tarikh DDMMYYYY	Perpuluhan 12.2 Tanpa “,”	Nombor

Contoh: Baris 2 (rekod)

Bil. (8)	Kod Cawangan (8)	Nama Empunya Sah (70)	No. Pengenalan (12)	Penganalan lain (20)	Jumlah (RM) (12.2)	Jenis Wang Tak Dituntut (3)
Nombor	Nombor	Karakter	Karakter (tanpa “-“ bagi no K/P baru)	Karakter	Perpuluhan 12.2 Tanpa “,”	Karakter

Bil.	Kod Cawangan	Nama Empunya Sah	No. Pengenalan	Penganalan lain	Jumlah (RM)	Jenis Wang Tak Dituntut
1	8109	2008 FAME WOOD SDN BHD	25022008	8537.94	21	Baris 1 : Maklumat syarikat/firma dan serahan.
2	1	1000 ABD MAHAT BIN ATAN	610202065417		800.36	004
3	2	1000 ABD RAHIN BIN YUSOF	A2811190		100.03	004
4	3	1000 AMINAH BINTI ABD KADIR	740911025316		208.10	004
5	4	1000 CHAN YOEK SIEW	620606015002	323003	50.00	001
6	5	1000 CHE PAH BINTI DAUD	TIADA		100.00	004
7	6	1000 ELLY & CO.	TIADA	533561	500.00	021
8	7	1000 FAME WOOD IND. BHD	51009T		1000.00	021
9	8	1000 GOOD BASE BERHAD	TIADA		2000.00	021
10	9	1000 JOGINDER SINGH	570203105661		194.98	021
11	10	1000 KOH BONN WAH	491010055001		1100.39	004
12	11	1000 LAM YIEN SEONG	H0552180		302.03	004
13	12	1000 LIM YOKE YONG	520303016234	323009	200.00	004
14	13	1000 ONG KIM PING	TIADA		376.00	001
15	14	1000 PEMBINAAN BAIK SDN BHD	761219106957		150.00	001
16	15	1000 PHOON AH LOONG	580809145662	323011	290.00	021
17	16	1000 RODIAH BINTI MOHD SAID	800115144863		200.00	004
18	17	1000 SHAHRUL BIN AMIN	TIADA		138.00	001
19	18	1000 SHIRLEY LING	560707015991	323019	178.00	004
20	19	1000 SIM POH YEE	TIADA		100.00	001
21	20	1000 TAIPING FURNITURE	TIADA		300.00	021
22	21	1000 TAN SIEW LING	TIADA		250.00	004
23						
24						
25						

Pastikan cursor berada di baris terakhir, kolumn G.

BAHAGIAN III

Bayaran Balik Wang Tak Dituntut



'13. PROSEDUR BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT

- 13.1 Bagi membolehkan bayaran balik WTD dilakukan, pihak yang menuntut perlu meyakinkan Pendaftar bahawa beliau adalah empunya sah atau mempunyai hak di sisi undang-undang terhadap WTD itu.
- 13.2 Tuntutan oleh individu
- Dokumen-dokumen berikut perlu dikemukakan kepada pejabat Pendaftar oleh pihak yang menuntut:
- satu borang Permohonan Bayaran Balik WTD (UMA-7) yang telah siap diisi dan ditandatangani;
 - salinan fotostat kad pengenalan pihak menuntut yang telah disahkan;
 - dokumen asal yang menunjukkan hak kepunyaan WTD; (*umpamanya buku akaun bank, waran dividen, sijil simpanan tetap*); dan
 - salinan mukasurat buku akaun atau penyata bank tempatan yang mengandungi maklumat pemegang akaun dan nombor akaun yang telah disahkan. Pemohon perlu memastikan akaun tersebut masih aktif kerana bayaran akan dikreditkan terus ke akaun pemohon.
- 13.3 Dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan bagi tuntutan oleh individu adalah seperti berikut:
- jika pihak yang menuntut tidak dapat menyerah dokumen asal yang menunjukkan hak kepunyaan WTD sepetimana yang ditetapkan dalam perenggan 13.2 iii) di atas, beliau perlu memperolehi surat pengesahan (yang menunjukkan butir-butir terperinci terhadap wang yang ingin dituntut) dari syarikat atau firma yang telah menyerah WTD tersebut kepada Pendaftar.
 - warga negara asing yang membuat tuntutan perlu mengemukakan salinan mukasurat pasport yang telah disahkan mengandungi nombor pasport, nama negara yang mengeluarkannya, nama dan gambar pemegang pasport dan juga muka surat yang menunjukkan tempoh sah laku pasport tersebut.
- Bagi warganegara asing yang tidak mempunyai dokumen pasport, surat kuasa sah lain yang mengesahkan pengenalan dirinya perlu dikemukakan.
- Bagi warganegara Singapura, salinan kad pengenalan yang telah disahkan boleh dikemukakan.
- jika pihak yang menuntut bukan empunya asal wang tetapi mempunyai hak di sisi undang-undang terhadapnya, beliau dikehendaki mengemukakan dokumen bukti yang menunjukkan hak berkenaan. Dokumen yang boleh diterima termasuk :
 - Surat Kuasa Mentadbir
 - Sijil Pemberian Probet
 - Surat Wakil Kuasa
 - Borang E / F menurut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
 - Perintah Mahkamah
 - Sijil Faraid
 - Pengesahan oleh syarikat atau firma bahawa simati telah membuat penamaan waris - iv) akaun simpanan kanak-kanak (bawah umur) yang dikendalikan mengikut tatacara pegangan amanah
- Di mana akaun seseorang kanak-kanak dikendalikan oleh seorang individu sebagai pemegang amanah, tuntutan bayaran balik hanya boleh dilakukan oleh pemegang amanah yang dimaksudkan tersebut melainkan kanak-kanak berkenaan telah mencapai umur 18 tahun pada masa tuntutan dibuat, (umur 12 tahun bagi pemegang akaun Bank Simpanan Nasional).

13.4 Tuntutan oleh syarikat atau firma

Dokumen-dokumen berikut perlu dikemukakan kepada pejabat Pendaftar oleh syarikat atau firma:

- i) satu borang Permohonan Bayaran Balik WTD (UMA-7) yang telah siap diisi dan ditandatangani oleh pengarah syarikat beserta cop nama dan jawatan pemohon dan cop syarikat atau firma berkenaan;
- ii) salinan sijil pendaftaran syarikat atau firma atau salinan sijil pertukaran nama syarikat yang telah disahkan;
- iii) dokumen asal yang menunjukkan hak kepunyaan WTD; atau surat pengesahan daripada syarikat atau firma yang menyerahkan wang tersebut kepada Pendaftar;
- iv) salinan penyata bank tempatan yang mengandungi maklumat pemegang akaun dan nombor akaun yang telah disahkan. Pemohon perlu memastikan akaun tersebut masih aktif kerana bayaran akan dikreditkan terus ke akaun syarikat atau firma.

13.5 Tuntutan-tuntutan sepertimana berikut memerlukan Borang Bon Gantirugi (UMA-8) yang perlu diisi dan dimatikan setem hasil RM10.00:

- i) tuntutan syarikat atau firma kerana tersalah hantar serahan WTD kepunyaan syarikat atau firma. Syarikat atau firma perlu mengemukakan dokumen bukti yang dapat menunjukkan bahawa wang yang telah dihantar oleh syarikat atau firma tersebut sememangnya kepunyaan syarikat/firma berkenaan;
- ii) jika pihak yang menuntut seperti ditetapkan di perenggan 13.3 (iii) dimana tuntutan oleh waris tanpa sijil pemberian probet atau surat kuasa bagi amaun tidak melebihi RM2,000.00; atau
- iii) kes tertentu tertakluk atas budi bicara Pendaftar WTD.

13.6 Pengesahan bagi semua salinan dokumen sokongan boleh dilakukan oleh individu-individu warganegara Malaysia sepertimana berikut:

- i) pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan profesional
- ii) penghulu atau penggawa atau pengurus JKPK
- iii) pegawai daerah
- iv) ahli dewan undangan negeri
- i) ahli parlimen
- ii) pesuruhjaya sumpah atau jaksa pendamai

13.7 Pendaftar WTD berhak meminta apa-apa dokumen yang diperlukan untuk membuktikan tuntutan tersebut adalah sah dan benar.

14. SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT

14.1 Senarai Dokumen Bagi Tuntutan Oleh Individu

TUNTUTAN ASAS INDIVIDU

(Akaun Simpanan Bank / Simpanan Tetap (FD) / Dividen / Cek Tamat Tempoh / Cek Jurubank / Deposit TNB, Telekom, Air/ & Lain-Lain)

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku / penyata akaun pemohon yang masih aktif serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)

TUNTUTAN HARTA PUSAKA PEMUNYA TELAH MENINGGAL DUNIA

(AMAUN LEBIH RM 2,000.00)

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku bank / penyata bank pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)
- Salinan surat kuasa / probet / Sijil Faraid yang disahkan

TUNTUTAN AKAUN BERSAMA DI BANK

(BERSYARAT SALAH SATU TANDATANGAN / EITHER ONE)

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku bank / penyata akaun pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)

TUNTUTAN HARTA PUSAKA PEMUNYA TELAH MENINGGAL DUNIA

(AMAUN RM 300.00 HINGGA RM 2,000.00)

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku bank / penyata akaun pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)
- #Salinan dokumen yang menunjukkan pertalian seperti Surat Beranak, Surat Nikah, Pasport dan lain-lain yang disahkan
- #Borang UMA-8 (Bon Tanggung Rugi) yang lengkap dan dimatikan setem hasil RM 10 oleh LHDN
- #Salinan surat/sijil kematian pemunya atau sijil pengebumian jenazah yang disahkan
(Nota: #Sekiranya salinan surat kuasa / probet / sijil faraid diberikan, maka dokumen tersebut tidak diwajibkan)

TUNTUTAN AKAUN BERSAMA DI BANK

(BERSYARAT LEBIH SATU TANDATANGAN / BOTH TO SIGN OR MORE TO SIGN)

- Borang UMA-7 yang lengkap dan mempunyai tandatangan semua pemohon
- Salinan kad pengenalan / pasport semua pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku bank / penyata akaun bersama di atas nama semua pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bersama pemohon-pemohon tersebut)

TUNTUTAN HARTA PUSAKA PEMUNYA TELAH MENINGGAL DUNIA**(AMAUN KURANG RM 100.00)**

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan buku bank / penyata akaun pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)
- #Salinan dokumen yang menunjukkan pertalian seperti Surat Beranak, Surat Nikah, Pasport dan lain-lain yang disahkan
- #Salinan surat/sijil kematian pemunya atau sijil pengebumian jenazah yang disahkan
(Nota: #Sekiranya salinan surat kuasa / probet / sijil faraid diberikan, maka dokumen tersebut tidak diwajibkan)

TUNTUTAN BANK DRAF / BANKER'S CHEQUE

- Borang UMA-7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan / pasport pemohon yang disahkan
- Sertakan dua dari tiga dokumen berikut;
 - i. Surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut yang menyatakan nama pembeli dan penerima; atau
 - ii. Banker's Cheque asal; atau
 - iii. Helaian salinan pelanggan borang pembelian Banker's Cheque asal yang mempunyai cetakan bank yang membuktikan transaksi telah dilakukan
(Sekiranya salinan fotostat diberikan, ianya mestilah disahkan oleh pihak bank terlebih dahulu)
- Salinan buku bank / penyata akaun pemohon yang masih aktif dan disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon)

Nota Penting:

Pendaftar mempunyai kuasa mutlak dan berhak meminta apa-apa dokumen tambahan walaupun pemohon telah menyertakan semua dokumen yang disenaraikan di atas bagi tujuan pembayaran balik WTD kepada pemohon.

Pengesahan bagi salinan dokumen sokongan mestilah dilakukan oleh salah seorang antara berikut:

- 1) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional
- 2) Penghulu atau Penggawa atau Pengerusi JKKK
- 3) Pegawai Daerah
- 4) Ahli Dewan Undangan Negeri
- 5) Ahli Parlimen
- 6) Pesuruhjaya Sumpah atau Jaksam Pendamai

14.2 Senarai Dokumen Bagi Tuntutan Oleh Syarikat/Firma/Pertubuhan Dan Lain-Lain (Organisasi)

TUNTUTAN ASAS SYARIKAT / FIRMA / PERTUBUHAN / DLL

(Akaun Bank / Simpanan Tetap (FD) / Dividen / Cek Tamat Tempoh / Cek Jurubank / Deposit TNB, Telekom, Air / Lain-Lain)

- Borang UMA-7 yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai organisasi
(Sila turunkan cop rasmi organisasi & pegawai tersebut di ruangan tandatangan)
- Salinan sijil pendaftaran organisasi yang disahkan
- Dokumen asal atau surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut
- Salinan penyata bank yang masih aktif bagi Organisasi serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun Organisasi)

TUNTUTAN BANK DRAF / BANKER'S CHEQUE

- Borang UMA-7 yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai Organisasi
(Sila turunkan cop rasmi organisasi & pegawai tersebut di ruangan tandatangan)
- Salinan sijil pendaftaran Organisasi yang disahkan
- Sertakan dua dari tiga dokumen berikut;
 - i. Surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut yang menyatakan nama pembeli dan penerima; atau
 - ii. Banker's Cheque asal atau
 - iii. Helaian salinan pelanggan borang pembelian Banker's Cheque asal yang mempunyai cetakan bank yang membuktikan transaksi telah dilakukan
(Sekiranya salinan fotostat diberikan, ianya mestilah disahkan oleh pihak bank terlebih dahulu)
- Salinan penyata bank yang masih aktif bagi Organisasi serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun Organisasi)

SYARIKAT/FIRMA MENUNTUT SEMULA WTD KERANA KESILAPAN SERAHAN

- Borang UMA-7 yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai syarikat/firma (Sila turunkan cop rasmi syarikat/firma & pegawai tersebut di ruangan tandatangan)
- Salinan sijil pendaftaran syarikat/firma yang disahkan
- Surat alasan asal dari syarikat/firma yang menyatakan kesilapan semasa serahan WTD dan mempunyai kepala surat
- Salinan penyata bank yang masih aktif bagi syarikat/firma serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun syarikat/firma)
- Borang UMA-8 (Bon Tanggung Rugi) yang lengkap diisi oleh pegawai syarikat/firma dan dimatikan setem hasil RM 10 oleh LHDN
- Salinan UMA-3 berkenaan WTD tersebut yang disahkan

14.3 Senarai Dokumen Bagi Tuntutan Oleh Syarikat/Firma/Pertubuhan Dan Lain-Lain (Organisasi)

TUNTUTAN BANK DRAF/ BANKER'S CHEQUE OLEH BANK

(SELAIN PEMBELI DAN PENERIMA)

- Borang UMA-7 yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai bank
(Sila turunkan cop rasmi bank & pegawai tersebut di ruangan tandatangan)

- Sertakan dua dari tiga dokumen berikut;
 - i. Surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut yang menyatakan nama pembeli dan penerima; atau
 - ii. Banker's Cheque yang asal; atau
 - iii. Helaian salinan pelanggan borang pembelian Banker's Cheque asal yang mempunyai cetakan bank yang membuktikan transaksi telah dilakukan
(Sekiranya salinan fotostat diberikan, ianya mestilah disahkan oleh pihak bank terlebih dahulu)
- Salinan penyata bank yang masih aktif bagi bank serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun)
- Surat alasan asal dan berkepala surat oleh bank
- Borang UMA-8 (Bon Tanggung Rugi) yang lengkap diisi oleh pegawai bank dan dimatikan setem hasil RM 10 oleh LHDN
- Salinan UMA-3 berkenaan WTD tersebut yang disahkan

TUNTUTAN BANK DRAF/ BANKER'S CHEQUE DI ATAS NAMA KAKITANGAN

- Borang UMA-7 yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai Organisasi
(Sila turunkan cop rasmi organisasi & pegawai tersebut di ruangan tandatangan)
- Salinan sijil pendaftaran Organisasi yang disahkan
- Sertakan dua dari tiga dokumen berikut;
 - i. Surat pengesahan asal dari syarikat/firma yang menyerahkan WTD tersebut yang menyatakan nama pembeli dan penerima; atau
 - ii. Banker's Cheque asal; atau
 - iii. Helaian salinan pelanggan borang pembelian Banker's Cheque asal yang mempunyai cetakan bank yang membuktikan transaksi telah dilakukan
(Sekiranya salinan fotostat diberikan, ianya mestilah disahkan oleh pihak bank terlebih dahulu)
- Salinan penyata bank yang masih aktif bagi Organisasi serta disahkan
(Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun Organisasi)
- Surat pengesahan asal oleh organisasi bahawa penama adalah kakitangannya atau bekas kakitangannya
- Borang UMA-8 (Bon Tanggung Rugi) yang lengkap diisi oleh pegawai Organisasi dan dimatikan setem hasil RM 10 oleh LHDN

Nota Penting:

Pendaftar mempunyai kuasa mutlak dan berhak meminta apa-apa dokumen tambahan walaupun pemohon telah menyertakan semua dokumen yang disenaraikan di atas bagi tujuan pembayaran balik WTD kepada pemohon.

Pengesahan bagi salinan dokumen sokongan mestilah dilakukan oleh salah seorang antara berikut:

- 1) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional
- 2) Penghulu atau Penggawa atau Pengerusi JKKK
- 3) Pegawai Daerah
- 4) Ahli Dewan Undangan Negeri
- 5) Ahli Parlimen
- 6) Pesuruhjaya Sumpah atau Jaksa Pendamai

15. CONTOH BORANG UMA-7 : TUNTUTAN OLEH INDIVIDU

UMA-7(Pin. 1/2007)

<p style="text-align: center;"><i>Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002) Seksyen 13(1)</i></p> <p style="text-align: center;">PERMOHONAN BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT <i>Application For Refund of Unclaimed Moneys</i></p> <p>[PENTING : SILA RUJUK KEPADA PANDUAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK WANG TAK DITUNTUT SEMASA MENGISI BORANG INI] [IMPORTANT : PLEASE REFER TO GUIDELINES FOR CLAIMS ON REFUND OF UNCLAIMED MONEYS IN FILLING UP THIS FORM]</p> <p>Perihal Empunya Asal Wang Tak Dituntut <i>Particulars of Original Owner of Unclaimed Moneys</i></p> <hr/> <p>Nama : ...LEE WONG KEE..... <i>Name</i></p> <p>Nombor kad pengenalan / pasport / syarikat / firma : ...4122608..... <i>Identity card / passport / company / firm number</i></p> <p>Amaun RM:...1,526.21..... <i>Amount</i></p> <p>Jenis : ...DIVIDEN (SIME DARBY BHD) & SIJIL SIMPANAN TETAP (MBB)..... <i>Type</i></p> <p>Perihal Pemohon <i>Particulars of Applicant</i></p> <hr/> <p>Nama : ...LEE MENG HUI DAN LEE TAK SANG..... <i>Name</i></p> <p>Nombor kad pengenalan / pasport : ...721502-05-4458 DAN 730204-08-4423..... <i>Identity card / passport number</i> (Sila sertakan /please attach copy)</p> <p>Alamat surat menyurat terkini : ...48 JALAN 11/8A..... <i>Present Correspondence Address</i></p> <p>.....TAMAN FUJI</p> <p>.....91008 TAWAU, SABAH.....</p> <p>No. Telefon : ...088-255487..... <i>Telephone Number</i></p> <p>No. Faks / E-mail : ...088-255447.../..mhlee@yahoo.com.my..... <i>Fax Number / E-mail Address</i> (Makluman bayaran akan dibuat melalui faks/e-mail/Notice of payment will be made through fax/e-mail)</p> <p>Perihal akaun bank pemohon yang masih aktif (Bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon) <i>Particulars of claimant's bank account (Payment will be credited into claimant's account)</i></p> <p>Nama dan alamat bank : ...MALAYAN BANKING BERHAD – JALAN TUN PERAK, K.L.... <i>Bank's name and address</i></p> <p>Nombor akaun bank : ...111675878963</p> <p>(Sila sertakan salinan muka hadapan akaun bank / penyata bank) (Please attach a copy of bank statement / bank account)</p> <p>Saya sertakan bersama-sama ini dokumen sokongan yang membuktikan hak kepunyaan ke atas wang tak dituntut itu. <i>I attach herewith supporting documents showing proof of ownership right to the unclaimed moneys.</i></p> <p>1...SIJIL SIMPANAN TETAP (ASAL)..... 4. SALINAN K/P LEE MENG HUI & LEE TAK SANG DI AKUI SAH</p> <p>2...WARAN DIVIDEN (ASAL)..... 5. SALINAN PENYATA/BUKU AKAUN BERSAMA (AKTIF)</p> <p>3...SALINAN SURAT KUASA MENTADBIR HARTA PUSAKA LEE WONG KEE YANG DI AKUI SAH.</p> <p style="text-align: right;">Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja (For Office Use Only)</p> <p style="text-align: right;">tarikh terima permohonan</p> <p>...Lee Meng Hui.....Lee Tak Sang.</p> <p>Tandatangan Pemohon / Cap Syarikat <i>Signature of Applicant / Company's Stamp</i></p> <p>Tarikh :...17 JAN 2008..... <i>Date</i></p>	
--	--

16. CONTOH BORANG UMA-7 : TUNTUTAN OLEH SYARIKAT/FIRMA

UMA-7(Pin. 1/2007)

